



## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada Anak Negeri Perlis yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis;

BIL	Jawatan / Gred	Taraf Jawatan	Gaji Minimum -Maksimum
1.	KETUA PASUKAN PENGURUS PROJEK (PMO)	<b>CONTRACT FOR SERVICE (CFS)</b>	<b>RM 6,000.00</b>

#### 1. SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
dan
- c.
  1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Pentadbiran Perniagaan, Pengurusan Projek, atau bidang berkaitan, pensijilan PMP adalah diutamakan.
  2. Berpengalaman dalam menguruskan projek yang kompleks dalam persekitaran kerja yang pantas dan singkat, dengan sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman sebagai Pengurus Projek.
  3. Mempunyai kemahiran kepimpinan yang kuat dengan keupayaan untuk memotivasikan dan memberi inspirasi kepada pasukan yang dipimpin.
  4. Kemahiran komunikasi dan interpersonal yang sangat baik dengan keupayaan untuk berinteraksi secara berkesan dengan pihak berkepentingan (*stakeholders* MAIPs)
  5. Berkemahiran dalam menggunakan alat dan perisian pengurusan projek (*cth Microsoft projects*)
  6. menunjukkan keupayaan untuk mengutamakan tugas, mengurus masa dengan cekap, dan menyesuaikan diri dengan perubahan keutamaan tugas.

## **2. RINGKASAN TUGAS:**

Merancang dan mengurus penyampaian penyelesaian sistem dan perkhidmatan sokongan aplikasi teknikal yang berkaitan untuk menyokong objektif perniagaan dan projek yang sedang dijalankan.

### **Kepentingan Dan Tanggungjawab:**

1. memastikan kecekapan dan keberkesanan penyelesaian sistem yang digunakan untuk menyokong matlamat dan objektif projek.
2. bertanggungjawab ke atas sistem aplikasi, perancangan projek, penjejakan anggaran dan pengurusan.
3. bertanggungjawab ke atas pengurusan teknologi dan perunding perhubungan vendor/rakan kongsi, penyampaian perkhidmatan dan prestasi keseluruhan projek.
4. membangun dan mengekalkan hubungan yang membina dengan pihak berkepentingan projek iaitu pelanggan, pembekal perkhidmatan, vendor dan rakan kongsi.
5. memberikan kepimpinan dan hala tuju kepada ahli pasukan pembangunan aplikasi projek.
6. memantau dan melaporkan aktiviti dan status projek serta maklumat yang berkaitan dengan tepat pada masanya.
7. melaksanakan dan memastikan semua urusan pentadbiran berkaitan dengan projek adalah teratur.

### **Keutamaan dan projek khusus yang perlu ditangani termasuk:**

1. mengurus pelaksanaan dan pembangunan Pelan Transformasi Digital MAIPs.
2. mengawasi penggunaan sumber projek dan melaporkan pemantauan dan penilaian projek.
3. mengatur mesyuarat projek, merangka agenda dan menyusun dokumentasi untuk mesyuarat, dan menyediakan laporan mesyuarat.
4. Mewujudkan dan mengekalkan hubungan komunikasi yang berkesan antara rakan sejawat atau pihak berkepentingan di peringkat tempatan.
5. mengenal pasti risiko dan peluang projek.
6. Mengekalkan arkib sistematik semua fail projek, surat-menyurat dan laporan
7. mematuhi dasar pelaksanaan projek, prosedur dan garis panduan jika berkenaan.

## CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pengisian Jawatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang boleh didapati melalui laman web rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis dengan melayari [www.maips.gov.my](http://www.maips.gov.my) dan kaunter pentadbiran ini.
2. Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungjawab calon.
4. Semua permohonan jawatan perlu disertakan *resume* dengan sekeping gambar terkini berukuran passport, bersama salinan sijil/ dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut;
  - i) Kad pengenalan
  - ii) Sijil kelahiran
  - iii) Sijil tamat persekolahan
  - iv) Sijil-sijil Akademik
  - v) Sijil kegiatan luar (Jika ada)
  - vi) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas berkaitan dengan jawatan dipohon.
5. Permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak Berjaya.
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
7. Sila tulis 'nama jawatan' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.
8. Permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen yang telah disahkan hendaklah dialamatkan atau dihantar kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS  
NO. A2, TAMAN PENGKALAN ASAM  
JALAN TUANKU SYED PUTRA  
01000 KANGAR  
PERLIS**



**TARIKH TUTUP IKLAN: 16 MEI 2024 (KHAMIS)**

**TARIKH: 26 APRIL 2024**